

EMBARGO: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Selasa, 26 Julai 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) KAE DAH PENDAPATAN 2021

**Pampasan pekerja meningkat 2.2 peratus,
menyumbang 34.8 peratus kepada KDNK nominal**

PUTRAJAYA, 26 JULAI 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia telah menerbitkan statistik Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan bagi tahun 2021. Statistik ini memperincikan pendapatan ke atas faktor pengeluaran dalam ekonomi seperti Pampasan Pekerja (PP), Lebihan Kendalian Kasar (LKK) dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import (Cukai bersih).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Mohd Uzir Mahidin, “Pada tahun 2021, ekonomi Malaysia pulih secara beransur-ansur dengan KDNK nominal meningkat kepada 9.0 peratus selepas penguncutan 6.3 peratus pada tahun 2020. KDNK pada tahun 2021 adalah 2.2 peratus melebihi paras pra-pandemik pada tahun 2019. Oleh itu, komponen pendapatan yang terkumpul hasil daripada pengeluaran iaitu PP dan LKK masing-masing menyumbang 34.8 peratus (2020: 37.1%) dan 62.9 peratus (2020: 60.1%) kepada KDNK. Sumbangan KDNK selebihnya disumbangkan oleh Cukai bersih sebanyak 2.3 peratus (2020: 2.7%) pada tahun 2021.

PP yang merujuk kepada saraan yang diterima oleh pekerja untuk penyediaan perkhidmatan buruh dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan pulih kepada 2.2 peratus pada tahun 2021 berbanding penurunan 3.0 peratus pada tahun sebelumnya. PP bagi semua sektor ekonomi menunjukkan prestasi yang meningkat pada tahun 2021 kecuali sektor Pembinaan. Namun demikian, PP masih 0.9 peratus lebih rendah berbanding paras pra-pandemik 2019. PP dalam sektor Perkhidmatan bertumbuh 1.1 peratus (2020: -1.3%) disumbangkan oleh subsektor Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi. PP bertumbuh secara ketara bagi sektor Pembuatan pada 5.8 peratus (2020: -1.0%) didorong oleh PP dalam Produk elektrik, elektronik & optikal. Sementara itu, PP bagi sektor Pertanian meningkat kepada

8.2 peratus (2020: 2.0%) terutamanya disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi. PP dalam sektor Perlombongan dan pengkuarian meningkat kepada 5.4 peratus berbanding penyusutan 13.3 peratus pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, PP dalam sektor Pembinaan kekal menurun sebanyak 3.6 peratus berbanding penurunan 18.0 peratus pada tahun sebelumnya.

Keseluruhan PP menyumbang 34.8 peratus daripada jumlah KDNK Malaysia pada tahun 2021 di mana sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah PP dengan sumbangan 62.8 peratus. Sementara itu, PP dalam sektor Pembuatan menyumbang 23.3 peratus diikuti oleh sektor Pembinaan dan Pertanian masing-masing 7.5 peratus dan 4.3 peratus. Bagi sektor selebihnya, Perlombongan dan pengkuarian menyumbang 2.0 peratus kepada keseluruhan PP pada tahun 2021.

Mengulas lebih lanjut terhadap laporan tersebut, LKK yang merupakan komponen pendapatan terbesar KDNK telah merekodkan pertumbuhan dua digit 14.0 peratus daripada penurunan 6.8 peratus pada tahun sebelumnya dan pertumbuhan ini adalah tertinggi yang pernah direkodkan sejak 2010 (16.0%). Tambahan lagi, LKK juga telah melepassi paras pra-pandemik sebanyak RM57.3 bilion atau peningkatan 6.3 peratus. Kesemua sektor kecuali Pembinaan telah merekodkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2021. LKK dalam sektor Perkhidmatan pulih kepada 3.4 peratus (2020: -4.7%) disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Bagi sektor Pembuatan, LKK meningkat kepada 26.2 peratus (2020: -4.4%) didorong oleh pengukuhan dalam Produk petroleum, kimia, getah dan plastik. Disamping itu, LKK dalam sektor Pertanian melonjak kepada 37.5 peratus (2020: 7.3%) disokong oleh pengembangan dalam subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan dan pertanian lain. Bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian, LKK meningkat kepada 26.0 peratus (2020: -27.7%) berikutan harga peteroleum yang tinggi. Sementara itu, LKK dalam sektor Pembinaan kekal menyusut 5.5 peratus berbanding penurunan 15.7 peratus pada tahun sebelumnya.

LKK menyumbang 62.9 peratus (2020: 60.1%) kepada KDNK Malaysia pada tahun 2021. Sektor Perkhidmatan menyumbang 50.8 peratus kepada jumlah LKK diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan 23.9 peratus. Sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 12.6 peratus dan 11.1 peratus. Manakala, sektor Pembinaan menyumbang 1.6 peratus.

Komponen pendapatan KDNK yang ketiga, Cukai bersih menyumbang 2.3 peratus daripada jumlah ekonomi, iaitu penurunan 8.0 peratus berbanding penyusutan 30.2 peratus pada tahun 2020. Penguncutan yang kecil ini adalah dipengaruhi oleh Cukai ke atas pengeluaran dan import yang meningkat kepada 5.8 peratus (2020: -7.0%) manakala Subsidi berkembang kepada 28.7 peratus (2020: 108.2%) lanjutan daripada pelbagai pakej rangsangan ekonomi bagi merancakkan ekonomi domestik.


Melihat kepada perbandingan KDNK Kaedah Pendapatan pada tahun 2021 bagi negara-negara terpilih, Malaysia mencatatkan sumbangan LKK tertinggi pada 62.9 peratus. Negara-negara membangun seperti Amerika Syarikat, Kanada dan negara-negara Eropah merekodkan sumbangan PP yang lebih tinggi berbanding GOS. Namun begitu, sumbangan LKK melebihi PP bagi rantau Asia Tenggara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut. DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JULAI 2022**


Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015




Carta 2: Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor bagi Pampasan Pekerja



Carta 3: Perubahan Peratusan Tahunan dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor bagi Lebihan Kendalian Kasar



Carta 4: Sumbangan Komponen Pendapatan kepada KDNK bagi Negara-negara Terpilih, 2021



Sumber: Pengiraan berdasarkan laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

EMBARGO: Only can be published or disseminated at 1200 hours, Tuesday, 26 July 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT **GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP) INCOME APPROACH 2021**

***Compensation of employees increased 2.2 per cent,
contributed 34.8 per cent to the nominal GDP***

PUTRAJAYA, 26 JULY 2022 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Statistics of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) Income Approach for the year 2021. The statistics present the income earned by all the factors of production in an economy such as Compensation of Employees (CE), Gross Operating Surplus (GOS) and Taxes less Subsidies on Production and Imports components (Net taxes).

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “In 2021, Malaysia’s economy gradually in recovery path with nominal GDP accelerated to 9.0 per cent after a contraction of 6.3 per cent in 2020. The GDP of 2021 was 2.2 per cent above than the pre-pandemic level of 2019. Therefore, the income component accruing to production namely CE and GOS has contributed 34.8 per cent (2020: 37.1%) and 62.9 per cent (2020: 60.1%) of GDP respectively. The remaining share of GDP contributed by Net taxes accounted for 2.3 percent (2020: 2.7%) in 2021.

The CE broadly refers to remuneration received by employees for the provision of labour services in production of goods and services rebounded to 2.2 per cent in 2021 as against a decreased of 3.0 per cent in the previous year. The CE in all economic sectors showed an improve performance in the year 2021 except for Construction sector. Nonetheless, CE was 0.9 per cent lower than the pre-pandemic level of 2019. The CE in the Services sector grew 1.1 per cent (2020: -1.3 %) which was attributed to Transportation & storage and information & communication sub-sector. The CE grew significantly in the Manufacturing sector at 5.8 per cent (2020: -1.0%) impelled by the CE in Electrical, electronic & optical products. In the meantime, CE for Agriculture sector accelerated to 8.2 per cent (2020: 2.0%) mainly reflected by the higher commodities prices. CE in Mining and quarrying sector improved to 5.4 per cent

compared to a contraction of 13.3 per cent in 2020. Nevertheless, CE in Construction sector remained decrease by 3.6 per cent as compared to a decline 18.0 per cent in the preceding year.

The overall CE accounted for 34.8 per cent of total Malaysia's GDP in 2021 whereby Services sector remained as the largest contributor to the total CE which generated 62.8 per cent. Meanwhile, CE in the Manufacturing sector accounted for 23.3 per cent followed by Construction and Agriculture sectors which constituted 7.5 per cent and 4.3 per cent respectively. The remaining sector, Mining and quarrying formed 2.0 per cent of the total CE in 2021.

Commenting further on the report, the GOS which was the largest income component of GDP registered a double-digit growth of 14.0 per cent from a decline of 6.8 per cent in the previous year and it was the highest ever recorded since 2010 (16.0%). In addition, the GOS has also surpassed the pre-pandemic level by RM57.3 billion or 6.3 per cent increased. All sectors recorded a better performance except for the Construction sector in 2021. The GOS in Services sector rebounded to 3.4 per cent (2020: -4.7%) attributed to Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation sub-sector. In Manufacturing sector, GOS strengthened to 26.2 per cent (2020: -4.4%) impelled by a robust growth in Petroleum, chemical, rubber and plastic products. Likewise, GOS in Agriculture sector surged to 37.5 per cent (2020: 7.3%) supported by the expansion in Rubber, Oil palm, Livestock and other agriculture subsector. As for the Mining and quarrying sector, GOS rebounded to 26.0 per cent (2020: -27.7%) owing to the higher petroleum prices. Meanwhile, GOS in Construction sector remained decline 5.5 per cent as compared to a contraction of 15.7 per cent in the previous year.

The GOS constituted 62.9 per cent (2020: 60.1%) to the Malaysia's GDP in 2021. Services sector accounted 50.8 per cent of total GOS followed by Manufacturing sector with a contribution of 23.9 per cent. Agriculture and Mining & quarrying sectors formed 12.6 per cent and 11.1 per cent respectively. Meanwhile, Construction sector contributed 1.6 per cent.

The third income component of GDP, Net taxes accounted 2.3 per cent of total economy, which decreased 8.0 per cent as compared to a decline of 30.2 per cent in 2020. The narrow contraction was influenced by a higher Taxes on production and imports which rebounded to 5.8 per cent (2020: -7.0%) while Subsidies expanded to 28.7 per cent (2020: 108.2%) attributed to the various economic stimulus package to spur the domestic economy.

Looking at the comparison of GDP by Income Approach for selected countries in 2021, Malaysia recorded the highest percentage of GOS at 62.9 per cent. Developed countries such as United States of America, Canada and European countries recorded

a higher contribution of CE compared to the GOS. Nonetheless, contribution of GOS exceeded the CE in South East Asian region.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information. DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
26 JULY 2022**

Chart 1: Gross Domestic Products (GDP) and Annual Percentage Change at Current and Constant 2015 Prices




Chart 2: Annual Percentage Change of Compensation of Employees and Share by Sectors




Chart 3: Annual Percentage Change of Gross Operating Surplus and Share by Sectors





Chart 4: Contribution of Income Component to GDP by Selected Countries, 2021



Source: Calculation based on official website of National Statistical Office